



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**Bil. 39 / 2021**

**KEPUTUSAN PENUH**  
**PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**SARAWAK KE-12**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan peti undi bagi kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.78 Mulu** telah selamat diterima hari ini, 19 Disember 2021 (Ahad). Bagi kerusi DUN N.78 Mulu telah dimenangi oleh calon **Dato Gerawat Gala** daripada parti **Gabungan Parti Sarawak (GPS)** dengan jumlah **3,731 undi** dan majoriti sebanyak **2,875 undi**.
2. Sehubungan itu, keputusan penuh Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak Ke-12 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Gabungan Parti Sarawak (GPS)	<b>76</b>
2.	Parti Sarawak Bersatu (PSB)	<b>4</b>
3.	Parti Tindakan Demokratik (DAP)	<b>2</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>82</b>

3. Pada PRU DUN Sarawak Ke-12 kali ini, seramai **759,627** orang atau **60.67 peratus** telah keluar mengundi. Jumlah tersebut meliputi jumlah pengundi biasa, pengundi awal dan pengundi pos yang telah mengundi.
4. Untuk keterangan lanjut berkenaan keputusan PRU DUN Sarawak Ke-12, sila layari portal [spr.gov.my](http://spr.gov.my).

Sekian, harap maklum.

**DATUK ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

19 Disember 2021 / 14 Jamadilawal 1443H